

Padah eksport 1,000kg tepung jagung

Johor Bahru: Padah meng-eksport 1,000 kilogram tepung jagung ke Singapura tanpa permit sah dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) pada 17 Mac lalu, syarikat pembekal makanan, Dommal Food Services Sdn Bhd didenda RM8,000 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam.

Syarikat berkenaan diwakili oleh Pengurus Besarnya, Seng Seng Kok, 50, yang mengangguk memahami pertuduhan juga mengaku salah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Elisabet Paya Wan.

Elisabet menjatuhkan hukuman denda RM8,000 atau penjara tiga bulan jika tertuduh gagal membayar denda.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku pada jam kira-kira 10 pagi 17 Mac lalu ketika dua pegawai MAQIS memeriksa sebuah lori ber-

nombor pendaftaran MCM7227 yang membawa muatan Syarikat Dommal Food Services Sdn Bhd di laluan pemeriksaan eksport di Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Iskandar Puteri di sini.

Hasil pemeriksaan menemui 40 beg 'flour corn Semolin' seberat 25 kilogram setiap beg dan bernilai keseluruhan RM1,900 untuk dieksport ke Singapura tanpa suatu permit sah dari MAQIS.

Daripada laporan analisis mendapati ia mengandungi DNA jagung dan menunjukkan bahan itu adalah suatu keluaran pertanian.

Perbuatan meng-eksport keluaran pertanian tanpa permit sah dari MAQIS adalah kesalahan bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malay-

sia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda hingga RM100,000 dan penjara hingga enam tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa MAQIS, Siti Nur Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam bela, Chow Yee Wan.



SENG Kok hadir ke mahkamah. Gambar kecil, sebahagian tepung jagung yang dirampas.



Syarikat didenda RM8,000 eksport tepung jagung tanpa permi

JOHOR BAHRU 14 Julai - Akibat mengeksport 1,000 kilogram tepung jagung tanpa permit sah daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) ke Singapura Mac lalu, sebuah syarikat pembekal didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Elasabet Paya Wan menjatuhkan hukuman tersebut ke atas syarikat Dommal Food Services setelah Pengurus Besarnya, Seng Seng Kok, 50, mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mahkamah turut memerintahkan wakil syarikat tersebut dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, syarikat itu didakwa melakukan kesalahan tersebut di laluan pemeriksaan Eksport Maqis Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, pada


10 pagi, 17 Mac lalu.

Syarikat itu didakwa mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa daripada Maqis, Siti Nur Ahmad manakala syarikat berkenaan diwakili peguam, Chow Yee Wan.

Seng Kok membayar denda berkenaan.

Mengikut fakta kes, pemeriksaan ke atas sebuah lori di kompleks tersebut pada 10 pagi, 17 Mac lalu mendapati 1,000 kilogram bahan mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) jagung dan menunjukkan ia suatu keluaran pertanian.



PEGAWAI Maqis memeriksa sebahagian daripada 1,000 kilogram tepung jagung yang dirampas, di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam. - UTUSAN MALAYSIA AISYAH MAZALAN

Didenda eksport tepung tanpa permit

JOHOR BAHRU - Sebuah syarikat pembekal makanan didenda RM8,000 selepas mengaku salah mengeksport 1,000 kilogram tepung jagung ke Singapura tanpa permit sah dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) pada 17 Mac lalu, di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam.

Pengakuan salah itu dibuat oleh pengurus besar yang mewakili syarikatnya selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan hakim mahkamah sesyen, Elisabet Paya Wan.

Mengikut fakta kes, pada 17 Mac lalu jam 10 pagi ketika dua pegawai MAQIS memeriksa sebuah lori di laluan pemeriksaan eksport di Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Iskandar Puteri di sini, menemui 40 beg tepung jagung seberat 25 kilogram setiap beg dengan nilai keseluruhan RM1,900 untuk dieksport ke Singapura tanpa suatu permit sah daripada MAQIS.

Daripada laporan analisis mendapati bahan mentah itu mengandungi DNA jagung, menunjukkan ia suatu keluaran pertanian.



Pegawai MAQIS menunjukkan barang kes yang dibawa ke mahkamah sesyen, semalam.

Perbuatan mengeksport keluaran pertanian tanpa permit sah dari MAQIS adalah kesalahan bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda hingga RM100,000 dan penjara hingga enam tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan oleh pegawai pendakwa MAQIS, Siti Nur Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam bela, Chow Yee Wan.

Siti Nur dalam pendakwaannya mencadangkan mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal ke-

pada syarikat berkenaan yang beroperasi di Selangor kerana mengeksport makanan tanpa permit sah, selain melucut hak terhadap produk yang dirampas.

Bagaimanapun, peguam bela memohon untuk meringankan hukuman denda memandangkan kesalahan berkenaan dilakukan kali pertama oleh syarikat berkenaan.

Elisabet menjatuhkan hukuman denda RM8,000 atau penjara tiga bulan sekiranya tertuduh gagal membayar denda.

Denda RM8,000 cuba eksport tepung jagung tanpa permit

FOTO HAIRUL ANUAR RAHMATI



Pegawai penguat kuasa MAQIS menunjukkan sebahagian tepung jagung yang cuba dieksport ke Singapura tanpa permit MAQIS ketika perbicaraan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

Pengurus syarikat mengaku salah tak dapat kelulusan MAQIS

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my
Johor Bahru

Sebuah syarikat pembekal makanan didenda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas pengurus besarnya mengaku bersalah cuba mengeksport tepung jagung ke Singapura tanpa permit Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pe-

meriksaan Malaysia (MAQIS). Syarikat Dommal Food Services Sdn Bhd yang diwakili Pengurus Besarnya, Seng Seng Kok, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Elesabeth Payawan. Mengikut pertuduhan, syarikat berkenaan didakwa cuba mengeksport 1,000 kilogram tepung jagung Semolina ke Singapura tanpa permit esport yang sah daripada MAQIS. Syarikat itu didakwa melakukan

Fakta nombor

40 BEG

tepung jagung cuba dieksport ke Singapura

kesalahan itu kira-kira jam 10 pagi pada 17 Mac lalu di laluan pemeriksaan bahagian eksport MAQIS, Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang dekat Gelang Patah, dekat sini.

Syarikat terbabit didakwa mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000 dan penjara sehingga enam tahun, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dilakukan Pegawai Pendakwa MAQIS, Siti Nur Ahmad, manakala syarikat itu diwakili peguam, Chow Yee Wan.

Ketika mengemukakan rayuan, Yee Wan memaklumkan kepada mahkamah ia kesalahan pertama dilakukan anak guamnya, selain harga barangan yang rendah.

Mahkamah turut memerintahkan Seng Kok yang mewakili syarikat itu dipenjarakan tiga bulan jika gagal membayar denda berkenaan.